

12/01/2003

MRSM: Rundingan dikhuatiri buang masa pelajar

LENGGONG: Hasrat Kerajaan Pas Terengganu berunding dengan Kerajaan Pusat mengenai isu pelajar Maktab Rendah Sains Mara Yayasan Terengganu (MRSM-YT)

tidak menjamin sebarang penyelesaian malah dikhuatiri membuang lebih banyak masa sehingga menjejaskan pembelajaran penuntut terbabit.

Sehubungan itu, semua 750 pelajar MRSM-YT tetap dipindahkan ke lima kampus MRSM yang lain termasuk di Pahang kerana Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) tidak mahu proses pembelajaran pelajar terbabit terjejas selepas penggal persekolahan bermula Isnin lalu.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Nazri Abdul Aziz, berkata rundingan seperti yang disarankan oleh Kerajaan Pas belum tentu membuahkan

hasil malah dikhuatiri mengambil lebih banyak masa.

"Jika kementerian membuka pintu rundingan dengan Kerajaan Pas Terengganu, berapa la-ma rundingan itu akan selesai sedangkan sesi pengajian sudah pun bermula Isnin lalu.

"Jika kita buka pintu rundingan pun, belum tentu keputusannya dipersetujui bersama. Jika tidak memihak kepada mereka (Kerajaan Pas Terengganu), mereka boleh arahkan kita keluar," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Nazri berkata, demikian ketika diminta mengulas hasrat Kerajaan Pas Terengganu mahu berjumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk merundingkan keputusan kementerian menutup MRSM-YT di Dungun dan Besut.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan

Sumber Manusia negeri, Datuk Mustafa Ali dilaporkan berkata, demi kepentingan pendidikan, kerajaan negeri mengambil keputusan meneruskan rundingan biarpun tanpa persetujuan Nazri.

Nazri berkata, keputusan memindahkan semua 750 pelajar MRSM-YT adalah muktamad serta tidak boleh ditangguhkan lagi kerana sesi persekolahan sudah pun bermula minggu ini.

"Kita tegas dalam soal memindahkan pelajar terbabit. Ini bukan soal main-main kerana ia membabitkan kepentingan dan masa depan pelajar.

"Kita tidak menghadapi masalah logistik dalam memindahkan pelajar terbabit kerana semua tempat sudah ditentukan seperti di MRSM Kuala Krai,

Pengkalan Chepa dan Pasir Tumbuh di Kelantan manakala sebuah lagi di Bandar Muazzam Shah, Pahang," katanya.

Nazri berkata, beliau bagaimanapun tidak boleh menghalang hasrat Kerajaan Pas Terengganu membincangkan isu pelajar MRSM-YT dengan Dr Mahathir atau Abdullah.

"Saya cuma berharap Mustafa faham mengenai bidang tugas kementerian di mana MRSM turut berada di bawah penjagaan kementerian dan saya sendiri dilantik Dr Mahathir untuk mengetuai KPU," katanya.

Nazri berkata, kementerian mengambil keputusan menutup kedua-dua MRSM YT

kerana bimbang selepas YT mengarahkan kampus di Dungun dikosongkan, langkah yang sama juga akan diambil terhadap kampus Besut.

"Keputusan memindahkan pelajar terbabit dibuat demi kepentingan pelajar

dan kita tidak mahu membimbangkan ibu bapa," katanya.

Beliau berkata, ibu bapa juga tidak perlu risau dengan penempatan baru anak mereka kerana kementerian sudah mengenalpasti kemudahan terbaik di kampus yang dipilih.